

# Ibu bapa perlu minta anak segera bayar PTPTN

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Pendaftar Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

**Pelbagai** inisiatif baharu dilaksanakan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menyedarkan peminjam membayar balik hutang tertunggak, selain memikul amanah membantu generasi muda menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Hakikatnya PTPTN memerlukan lebih RM3 bilion setahun untuk menampung dan terus menyokong 450,000 peminjam sedia ada serta 150,000 peminjam baharu setiap tahun, terutama keluarga berpendapatan rendah.

Apa membimbangkan kita adalah sehingga September 2024, tunggakan pinjaman PTPTN berjumlah RM11.32 bilion membabitkan lebih 1.25 juta peminjam culas.

Keadaan ini berlaku kerana sikap tidak bertanggungjawab peminjam culas mula memberi kesan kepada peminjam baharu, sekali gus boleh menjaskan peluang mereka menyambung pengajian.

Bukankah ini boleh dianggap menyalimi atau menyekat hak orang lain mendapat peluang pendidikan sama rata yang sebelum ini turut dinikmati peminjam culas ini?

Apa lagi alasan atau halangan kepada peminjam culas ini untuk insaf terhadap tanggungjawab masing-masing, sekali gus memulakan proses membayar balik hutang mereka?

Ironinya, PTPTN melaksanakan pelbagai inisiatif, namun mereka masih degil dan tidak mahu tampil untuk berbincang dan memulakan bayaran balik.

Peminjam dan ahli keluarga perlu sedar tanggungjawab dengan menyahut pelbagai kempen dilaksanakan PTPTN untuk memulakan proses bayaran balik hutang.

Hanya tahap kesedaran kendiri tinggi mampu mengubah senario keterhutangan serius ini. Sama ada peminjam sudahpun berkerjaya tetap dan terjamin mahupun golongan masih mencari peluang pekerjaan sesuai dengan tahap kelayakan, mereka wajar sedar membayar hutang adalah wajib.

## Perlu ada inisiatif mulakan bayaran hutang

Oleh itu, mereka sendiri perlu ada inisiatif memulakan bayaran balik hutang walaupun dalam jumlah kecil.

Kerajaan pernah mendedahkan sebahagian peminjam tegar culas ini didapati sudah bergraduasi sejak berpuluhan tahun lalu tetapi ada masih gagal membuat pembayaran walau satu sen.

Mustahil peminjam culas ini tidak tahu segala pelan dan kaedah pembayaran balik pinjaman selama ini ditawarkan PTPTN.

Rumusan mudah kita, sikap culas atau sengaja enggan membayar balik pinjaman PTPTN tanpa alasan munasabah hanya menggambarkan tahap integriti dan sikap peminjam itu sendiri.

Bagi golongan masih bergelut mencari pekerjaan dan belum mampu membuat pembayaran balik se lain tergolong sebagai penerima bantuan Sumba-

ngan Tunai Rahmah (STR), mereka perlu tampil dan berbincang, misalnya memulakan bayaran balik sebagai komitmen awal serendah RM50 sebulan.

Kita meletakkan harapan tinggi kepada ahli keluarga peminjam khususnya ibu bapa agar mengingatkan anak mereka terhadap keperluan menjalankan hutang pendidikan ini.

Setiap ibu bapa tahu PTPTN adalah agensi kerajaan membantu meringankan beban keluarga ketika anak mereka mendapat tawaran menyambung pengajian, sekali gus dapat menjelak kaki ke menara gading hingga berjaya menamatkan pengajian dan bergelar siswazah.

Jadi keperitan menanggung beban kewangan pastinya lebih dirasai ibu bapa yang mahu merealisasikan impian melihat anak berjaya dalam pendidikan tinggi.

Hanya ibu bapa boleh memahami kerisauan dan beban dirasakan ibu bapa lain. Malah, mereka juga perlu sedar tanggungjawab sebagai penjamin kepada pinjaman anak.

Inilah masanya ibu bapa membala 'jasa' PTPTN dengan mengarahkan anak membayar balik hutang, sekali gus meringankan beban ibu bapa lain. Kita yakin anak akan patuh arahan atau permintaan setiap ibu bapa.

Hakikatnya, kesedaran tinggi peminjam dan ibu bapa mereka mampu membuka laluan untuk PTPTN mengutip semula hutang tertunggak, se terusnya dapat memastikan sistem pendidikan tinggi terus kukuh dan inklusif selaras dengan aspirasi negara.